

# PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2021 NEGERI JOHOR

SULIT

KERTAS 1

1103/1

## BAHAGIAN A

[ 30 markah ]

[Masa dicadangkan : 30 minit]

Maklumat di bawah berkaitan dengan patriotisme.

Huraikan pendapat anda tentang patriotisme dalam kalangan rakyat Malaysia.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

### AKU ANAK MALAYSIA

Detik ini pada tanggal 31 Ogos berulang lagi, menjelma lagi, negaraku merdeka.

Dalam keriangin ini kenangilah jasa perajurit, jasa pejuang kemerdekaan yang tidak mengenali erti kekecewaan.

Aku bangga menjadi anak Malaysia aku bangga mengibarkan Jalur Gemilang, aku bangga kereta nasional meluncur di jalan raya, akulah pengisi kemerdekaan ini, demi generasi akan datang.

Sajak Sudut Merdeka  
Sumber : Internet

### 'Prinsip Rukun Negara teras pupuk patriotisme'

Kuala Lumpur: Prinsip Rukun Negara menjadi teras terbaik bagi memupuk semangat patriotisme dalam kalangan rakyat, sekaligus mengukuhkan peyuharaan di kalangan generasi muda melalui kegiatan dan fahaman radikal daripada teras tersebut.

Najib Pengiran Yusoff, Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (YAJEM), Tan Sri Lee Lam Thye, yang mengukuhkan kewujudan asas radikal dalam masyarakat negara kini, berkata Rukun Negara berupaya memupuk perasaan sayang dan negara, agama dan diri sendiri.

"Kerangka semangat patriotisme adalah menjadi antara faktor masyarakat teramat yang golongan muda mudah terpengaruh dengan fahaman keganasan dan fahaman radikal lebih lagi ke wujudan media sosial tanpa skrin."

"Oleh itu, kita perlu kembali kepada lima prinsip Rukun Negara dengan teras yang berupaya memupuk semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat," katanya.

gugrah mengukuhkan media sosial menyebarkan fahaman yang negatif dengan menyebarkan golongan muda untuk menyebarkan kepatutan mereka," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Yayasan Gerakan Kesejahteraan Global (GAMG), Subhanudin Mat Isa, berkata Malaysia sedang mengalami derakalisasi dan memerlukan pengukuhkan berikutan kejayaan polis menahan suspek militan 16 hari-hari ini.

"Malaysia boleh menjadikan DAK sebagai platform berkongsi pengalaman dan menterikan teras berkesan serta koherens maklumat dalam memerangi keganasan," katanya.



"Kita perlu kembali kepada lima prinsip Rukun Negara dengan lima teras yang berupaya memupuk semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat"

Lee Lam Thye, Naib Pengerusi YAJEM

Sumber : Berita Harian,  
26 Januari 2016

### PERPADUAN, SEMANGAT PATRIOTISME RAKYAT KEKAL UTUH WALAUPUN BERDEPAN COVID-19

Semangat kebersamaan diterjemahkan menerusi penyertaan pada majlis pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2020 yang turut diadakan di seluruh negara, itu jelas mencerminkan keharmonian dan kemakmuran negara.

SUMBER : BERHAMA



**KARANGAN BAHAGIAN B**  
*[70 markah]*  
[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

**Soalan 1**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) turut merangka pelbagai program dan aktiviti berkaitan pencegahan dan kawalan penyakit tidak berjangkit. Antaranya, Program Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN) dilaksanakan bagi mempromosi cara hidup sihat dan pengesanan awal penyakit tidak berjangkit dalam kalangan masyarakat setempat di seluruh negara. Program intervensi itu akan dijalankan dengan lebih efektif dan meluas ke arah memperkasakan masyarakat untuk mengamalkan gaya hidup lebih sihat.

Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada  
*Berita Harian* 14 November 2020

Petikan akhbar di atas melaporkan bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengambil langkah melaksanakan Program Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN) secara lebih efektif dan meluas ke arah memperkasakan masyarakat untuk mengekalkan gaya hidup sihat.

Jelaskan amalan-amalan gaya hidup sihat yang perlu dilakukan oleh masyarakat.

**Soalan 2**

Permainan tradisional semakin dilupakan kerana perkembangan pesat teknologi maklumat dan komunikasi serta peningkatan aplikasi permainan secara maya. Kemunculan media sosial dengan pengaruh hiburan yang kuat menyebabkan permainan tradisional dianggap sudah lapuk dan ketinggalan zaman. Bertempat di Sekolah Kebangsaan (SK) Seksyen 9 Kota Damansara, Petaling Jaya, Selangor, baru-baru ini lapan jenis permainan tradisional diketengahkan iaitu tuju tin, tarik tali, galah panjang, congkak, batu seremban, tarik upih, sepak bulu ayam dan boling kelapa dalam usaha mengekalkan tradisi rakyat ini.

Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada  
*Harian Metro*, 31 Julai 2019

Petikan di atas menggambarkan bahawa permainan tradisional dianggap semakin dilupakan kerana perkembangan pesat permainan secara maya. Sehubungan dengan itu, anda bercadang menulis sebuah rencana yang bertajuk "Usaha-usaha Memartabatkan Permainan Tradisional". Tulis rencana anda selengkapnya.

[Lihat halaman sebelah

### Soalan 3

Terdapat peningkatan kes pembakaran terbuka disebabkan kegiatan pertanian sara diri penduduk tempatan, manakala pelepasan dari aktiviti perindustrian, kerja tanah dan kenderaan bermotor menyumbang kepada kemerosotan kualiti udara di beberapa buah negeri. Pada 21 Julai lalu, Jabatan Meteorologi Malaysia menyatakan bahawa negara ini sedang mengalami musim monsun barat daya yang menyebabkan cuaca menjadi panas dan kering. Keadaan itu, menurut agensi terbabit, dijangka berterusan sehingga pertengahan September ini.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada  
*Malaysiakini*, 24 Julai 2021

Petikan di atas merujuk kepada masalah pencemaran udara di negara kita yang dikatakan semakin serius akibat sikap segelintir pihak yang tidak bertanggungjawab. Oleh itu, pendidikan tentang kepentingan menjaga alam sekitar perlu diterapkan sejak awal lagi.

Bincangkan peranan-peranan pihak sekolah dalam memupuk nilai cinta akan alam sekitar dalam kalangan murid.

### Soalan 4

Data yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Manusia menunjukkan bahawa hanya 2,982 daripada 18,547 kekosongan pekerjaan yang wujud dalam sektor pertanian telah diisi pada tahun lepas. Hal ini dilihat berdasarkan statistik Sistem Insurans Pekerjaan Pertubuhan Keselamatan Sosial (SIP Perkeso) yang menunjukkan bahawa sektor pertanian masih kurang diminati dalam kalangan pencari kerja yang majoritinya terdiri daripada lepasan sekolah dan siswazah.

Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada  
*Bernama*, 9 Mac 2021

Petikan berita di atas menunjukkan bahawa pada masa ini sektor pertanian dikatakan kurang diminati oleh golongan yang masih mencari pekerjaan khususnya generasi muda.

Huraikan langkah-langkah yang wajar dilakukan oleh pelbagai pihak agar generasi muda menjadikan sektor pertanian sebagai kerjaya mereka.